

**KRITERIA PENCALONAN PEGAWAI ATASE SAINS GRED 52 (TERBUKA)  
DI PEJABAT PERWAKILAN TETAP MALAYSIA KE UNESCO, PARIS**

1. Permohonan terbuka kepada semua pegawai awam di gred hakiki 52 dari pelbagai skim perkhidmatan yang sedang berkhidmat di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM);
2. Mempunyai latar belakang pendidikan dalam bidang Sains di peringkat Ijazah Sarjana Muda;
3. Mempunyai personaliti yang menarik serta berkebolehan bertutur dan menulis dengan baik dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Kebolehan berbahasa Perancis adalah merupakan satu kelebihan;
4. Mempunyai pengalaman mengetuai program atau mesyuarat di peringkat antarabangsa atau pengalaman berkhidmat di organisasi antarabangsa atau luar negara adalah satu kelebihan;
5. Mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang tinggi dan berupaya membuat keputusan untuk kepentingan organisasi serta komited dengan sesuatu tugas yang diamanahkan;
6. Mempunyai pengetahuan asas mengenai polisi dan hala tuju negara dalam bidang sains, sains sosial, komunikasi dan maklumat serta pendidikan adalah satu kelebihan;
7. Boleh bekerja dalam persekitaran yang berbilang budaya serta boleh berinteraksi secara efektif dengan pelbagai pihak berkepentingan (*stakeholders*) sama ada di dalam atau di luar organisasi;
8. Purata markah LNPT untuk tiga (3) tahun terakhir adalah 85% ke atas;
9. Bebas daripada tindakan tatatertib serta rasuah;
10. Disahkan sihat dan tidak menghidap sebarang penyakit jantung, barah dan penyakit kronik yang lain;
11. Pemohon yang telah berkahwin hendaklah mengemukakan surat nikah dan persetujuan pasangan masing-masing; dan
12. Mempunyai perancangan pendidikan bagi anak yang berumur 15-17 tahun bagi mengelakkan anak ketinggalan dalam pendidikan.